

26/02/2004

Rihlah Ibn Battutah singkap tamadun pelbagai zaman

Hasliza Hassan

PENGALAMAN yang ditulis sendiri pengembara agung kebanggaan Islam, Ibn Battutah, dibantu penulis yang dilantik Sultan Abu `Inan iaitu Ibn Juzayy, menjadikan Rihlah Ibn Battutah karya ilmu paling berharga.

Manuskrip Rihlah Ibn Battutah berusia 649 tahun mula tersebar di kalangan sarjana Afrika Utara, Afrika Barat, Mesir dan beberapa negara Islam, empat ratus tahun selepas Ibn Battutah meninggal dunia.

Dunia Barat hanya mengetahui mengenai karya ini pada awal abad ke-19 apabila dua orang ilmuwan Jerman menerbitkan secara berasingan beberapa terjemahan buku itu daripada manuskrip diperoleh di Timur Tengah.

Bermula dari situ, Rihlah Ibn Battutah diterjemah dan diterbitkan dalam pelbagai bahasa termasuk Sepanyol, Itali, Rusia, Poland, Parsi dan Jepun.

Kehebatan Ibn Battutah diiktiraf penulis National Geographic, Thomas J Abercombie, dalam edisi Disember 1991, yang mengakui bahawa pengembara Arab itu mengembara tiga kali ganda lebih jauh daripada Marco Polo merentasi tiga benua.

The Hakluyt Society mengambil masa 78 tahun (1992 hingga 2000) untuk menyelesaikan terjemahan karya itu dan penyusunan indeks ke bahasa Inggeris.

Malaysia ingin turut melakar sejarah baru dengan menghasilkan terjemahan keseluruhan teks itu ke dalam bahasa Melayu agar pengalamannya melangkaui satu lagi bahasa di dunia.

Terjemahan bahasa Melayu Rihlah Ibn Battutah yang diberi tajuk Pengembaraan Ibn Battutah, diterbitkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Pengembaraan Ibn Battutah mengambil tempoh 10 tahun bermula dari 1993 hingga 2003, bagi memastikan ia adalah terjemahan yang tepat dari segi fakta, struktur ayat, penggunaan perkataan dan gaya bahasa.

Bekas Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata karya yang diterjemahkan itu begitu istimewa kerana ia turut menceritakan tamadun Islam pelbagai zaman secara keseluruhan.

Beliau yang juga penyunting buku berkenaan berkata, kronologi peristiwa yang diceritakan dalam buku itu menyingkap mengenai kemajuan serta cara hidup masyarakat Islam pada masa itu yang boleh dijadikan teladan.

Buku Ibn Battutah diterjemahkan oleh Pensyarah Jabatan Bahasa Asing Universiti Putra Malaysia (UPM), Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Felo Penyelidik Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac), Adi Setia Muhammad Dom, manakala tugas penyuntingan dilakukan Dr Ismail yang dibantu Pegawai Penyelidik IKIM, Wan Roslili Abd Majid.

Dr Ismail berkata, projek menterjemahkan buku itu disarankan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika majlis perasmian penubuhan IKIM.

Syed Nurul Akla berkata, terjemahan Pengembaraan Ibn Battutah menggunakan karya terbitan Darul Beirut 1964, sedaya upaya mengekalkan 99 peratus keaslian teks asalnya.

Beliau berkata, kerja penterjemahan dari teks asal mengambil masa empat tahun sebelum proses pembedahan, menyeragamkan istilah, struktur ayat dan gaya bahasa dilakukan.

"Kami bukan sekadar menterjemah tetapi turut membuat rujukan kerana terdapat istilah yang memberi makna berbeza. Untuk memastikan ketepatan terjemahan kami merujuk kepada pakar bahasa Arab," katanya.

Beliau berkata, ada istilah dalam bahasa Arab seperti Qarun dan Qurban

yang terpaksa dikekalkan kerana tiada perkataan bahasa Melayu yang sesuai dan tindakan itu diambil bagi mengelakkan terjemahan yang tidak tepat.

Adi Setia pula berkata mereka juga perlu mendalami sejarah bagi menghayati budaya serta cara hidup masyarakat Arab pada waktu seperti yang diceritakan oleh teks yang menjadi rujukan.

Beliau berkata, terjemahan boleh menimbulkan kelainan dari segi jalan cerita jika ia dibuat mengikut kaca mata penterjemah, bukan berdasarkan kajian yang dibuat mengikut apa yang diceritakan.

"Kita tidak boleh terjemah ikut suka kita saja. Jika kita baca terjemahan bahasa Inggeris terdapat beberapa kisah yang menimbulkan persoalan kerana apa yang digambarkan tidak sesuai dengan budaya orang Arab tetapi diceritakan kerana penterjemahnya adalah orang Barat," katanya.

Wan Roslili berkata, tugas yang dilakukan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi kerana sebarang kesilapan yang ditemui membawa makna kerja akan bertambah, begitu juga masa yang diperlukan.

Beliau berkata, kerja yang sama ada kalanya dilakukan berulang kali bertujuan memastikan buku terjemahan yang dihasilkan benar-benar tepat dari segi fakta, keseragaman ayat dan penggunaan perkataan.

Kesemua tenaga kerja yang bertungkus lumus memastikan kemunculan Pengembaraan Ibn Battutah, melahirkan rasa syukur kerana usaha mereka menemui kejayaan, walaupun ada kalanya terpaksa bersengkang mata hingga jam empat pagi.

Mereka berharap, usaha menterjemah karya tokoh kebanggaan Islam itu tidak terhenti begitu saja, malah mengesyorkan agar usaha proaktif diambil bagi menghasilkan lebih banyak buku terjemahan selain melahirkan lebih ramai penterjemah berwibawa di negara ini.